



**GARIS PANDUAN OPERASI BIL. 2 TAHUN 2020
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**PINDAAN ANGGARAN CUKAI (CP204) PADA BULAN KE-3 ANSURAN YANG
JATUH DALAM TAHUN KALENDAR 2020 DAN PENANGGUHAN BAYARAN
ANGGARAN CUKAI (CP204 DAN CP500) DI BAWAH PAKEJ RANGSANGAN
EKONOMI 2020 (PRE)**

1. PENDAHULUAN

Penularan pandemik COVID-19 telah mencetuskan impak besar terhadap perkembangan ekonomi global termasuk Malaysia. Justeru itu, Kerajaan telah memperkenalkan Pakej Rangsangan Ekonomi bagi memastikan risiko ekonomi berkaitan penularan wabak ini dapat ditangani dengan berkesan. Antara langkah yang telah diambil oleh Kerajaan ialah seperti berikut:

- 1.1 Mbenarkan pindaan CP204 pada bulan ke-3 ansuran yang jatuh dalam tahun kalendar 2020 kepada semua syarikat / Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) / koperasi / badan amanah;
- 1.2 Mbenarkan penangguhan bayaran CP204 bagi tempoh enam (6) bulan bermula 1 April 2020 sehingga 30 September 2020 kepada syarikat / PLT / koperasi / badan amanah bermastautin yang berkaitan dengan industri pelancongan; dan
- 1.3 Mbenarkan penangguhan bayaran anggaran cukai bagi tempoh tiga (3) bulan bermula 1 April 2020 sehingga 30 Jun 2020 kepada:

- i. Syarikat bermastautin yang berstatus Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) (CP204); dan
- ii. Pembayar cukai selain syarikat yang bermastautin (CP500).

2. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk menerangkan pelaksanaan pindaan anggaran cukai pada bulan ke-3 ansuran yang jatuh dalam tahun kalendar 2020 dan penangguhan bayaran anggaran cukai yang terpakai kepada:

| Kategori Fail | Kategori Pembayar Cukai |
|----------------------|--|
| CP204 | Syarikat (C) (termasuk berstatus PKS) |
| | Koperasi, PLT, Badan Amanah (C1, PT, TA, TC, TN dan TR) |
| CP500 | Individu Selain Penggajian, Harta Pusaka, Pertubuhan, Keluarga Sekutu Hindu (BE, B, TP, TF dan TJ) |

3. PELAKSANAAN

3.1 Pindaan CP204 Pada Bulan ke-3 Ansuran Yang Jatuh Dalam Tahun Kalendar 2020

3.1.1 Syarikat / PLT / koperasi / badan amanah dalam semua industri layak membuat pindaan CP204 pada bulan ke-3 ansuran yang jatuh dalam tahun kalendar 2020. Pindaan ini tidak terhad kepada tempoh asas bagi tahun taksiran 2020 sahaja.

- 3.1.2 Syarikat / PLT / koperasi / badan amanah hendaklah mengemukakan borang pindaan dalam bulan ke-3 ansuran dalam tahun kalender 2020 masing-masing. Permohonan yang diterima di luar bulan ke-3 ansuran tidak akan diproses kecuali telah diberi lanjutan masa. Walau bagaimanapun, pindaan pada bulan ke-6 dan / atau ke-9 tempoh asas melalui e-CP204A masih dibenarkan.
- 3.1.3 Pindaan CP204 dalam bulan ke-3 ansuran dalam tahun kalender 2020 ini tidak tertakluk kepada syarat anggaran cukai yang tidak boleh kurang 85% daripada anggaran cukai dipinda / asal bagi tahun taksiran sebelum.
- 3.1.4 Tarikh akhir pengemukaan pindaan CP204 pada bulan ke-3 ansuran dalam tahun kalender 2020 ditentukan berdasarkan tempoh asas syarikat.

Contoh:

| Tempoh Asas | Bulan Ke-3 Ansuran Dalam Tahun 2020 | Tarikh Akhir Pengemukaan Borang Pindaan | Tarikh Kuatkuasa Pindaan |
|-----------------------|-------------------------------------|--|--|
| 1/1/2020 - 31/12/2020 | April 2020 | 30 April 2020 (Lanjutan masa sehingga 31 Mei 2020 disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan) | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Kedua-dua tarikh bayaran bagi bulan ke-3 dan ke-4 ansuran adalah pada 31 Mei 2020 (Lanjutan masa Perintah Kawalan Pergerakan) ▪ Tarikh kuatkuasa pindaan adalah pada 15 April 2020. Jika syarikat telah membayar ansuran ke-3 pada 15 April 2020, maka tarikh kuatkuasa pindaan |

| | | | |
|-----------------------|---------------|------------------|---|
| | | | akan bermula pada bulan ke-4 ansuran dimana tarikh akhir bayaran adalah pada 31 Mei 2020. (atas permohonan pembayar cukai) |
| 1/8/2020 - 31/07/2021 | November 2020 | 30 November 2020 | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Jika borang permohonan dikemukakan sebelum 15 November 2020, tarikh kuatkuasa pindaan akan bermula pada bulan ke-3 ansuran. ▪ Jika borang permohonan dikemukakan selepas 15 November 2020, tarikh kuatkuasa pindaan akan bermula pada bulan ke-4 ansuran dimana tarikh akhir bayaran adalah pada 15 Disember 2020. |

3.1.5 Permohonan pindaan CP204 pada bulan ke-3 ansuran dalam tahun kalendar 2020 tidak perlu mendapatkan kelulusan dari Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) tertakluk kepada permohonan adalah lengkap dan teratur serta memenuhi syarat bagi permohonan pindaan tersebut.

3.1.6 Pengenaan kenaikan cukai di bawah peruntukan seksyen 107C (10) Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) masih dikekalkan sekiranya

perbezaan di antara cukai kena dibayar dengan anggaran cukai yang dipinda melebihi 30%.

- 3.1.7 Syarikat / PLT / koperasi / badan amanah yang telah mendapat penangguhan bayaran CP204 secara automatik masih layak dan dibenarkan untuk membuat pindaan pada bulan ke-3 ansuran yang jatuh dalam tahun kalendar 2020.
- 3.1.8 Borang pindaan yang telah lengkap dan teratur hendaklah dikemukakan secara e-mel atau melalui pos ke Bahagian Pengurusan Rekod dan Maklumat Percukaian.
- 3.1.9 Dokumen sokongan tidak diperlukan bagi tujuan permohonan pindaan ini.

3.2 Penangguhan Bayaran CP204 Bagi Tempoh Enam (6) Bulan Bermula 1 April 2020 Sehingga 30 September 2020 Kepada Syarikat / PLT / Koperasi / Badan Amanah Bermastautin Yang Berkaitan Dengan Industri Pelancongan

- 3.2.1 Semua syarikat / PLT / koperasi / badan amanah bermastautin yang menjalankan perniagaan berkaitan dengan industri pelancongan layak mendapat penangguhan bayaran CP204 termasuk syarikat berstatus PKS.
- 3.2.2 Syarikat / PLT / koperasi / badan amanah bermastautin yang layak akan mendapat penangguhan bayaran CP204 secara automatik tanpa perlu mengemukakan permohonan.
- 3.2.3 Penangguhan bayaran CP204 kepada syarikat / PLT / koperasi / badan amanah bermastautin yang layak tidak akan dikenakan kenaikan cukai di bawah Seksyen 107C (9) ACP.

- 3.2.4 Syarikat / PLT / koperasi / badan amanah bermastautin yang layak untuk penangguhan bayaran CP204 akan dimaklumkan melalui emel yang berdaftar dengan LHDNM.
- 3.2.5 Syarikat / PLT / koperasi / badan amanah bermastautin yang menjalankan perniagaan berkaitan dengan industri pelancongan masih layak untuk penangguhan bayaran CP204 walaupun menjalankan perniagaan selain dari industri pelancongan.
- 3.2.6 Sumber data yang akan digunakan bagi menentukan kelayakan penangguhan bayaran CP204 adalah berdasarkan BNCP Tahun Taksiran 2018 yang diterima oleh LHDNM.
- 3.2.7 Kod MSIC yang layak diberi penangguhan bayaran CP204 ialah seperti berikut:

| No | Kod Perniagaan | Aktiviti |
|----|----------------|--|
| 1 | 51101 | Pengangkutan penumpang melalui udara mengikut laluan dan jadual biasa |
| 2 | 51102 | Pengangkutan penumpang tidak berjadual |
| 3 | 51103 | Penyewaan peralatan pengangkutan dengan operator untuk tujuan pengangkutan penumpang |
| 4 | 55101 | Hotel dan hotel resort |
| 5 | 55102 | Motel |
| 6 | 55103 | Hotel Apartment |
| 7 | 55104 | Chalet |
| 8 | 55105 | Rumah rehat/rumah tetamu |
| 9 | 55106 | Bed and breakfast unit |

| | | |
|----|-------|---|
| 10 | 55107 | Asrama |
| 11 | 55108 | Homestay |
| 12 | 55109 | Aktiviti penginapan jangka masa pendek yang lain |
| 13 | 55200 | Tapak perkhemahan, taman kendaraan rekreasi dan taman treler |
| 14 | 55900 | Penginapan lain |
| 15 | 50111 | Operasi rombongan, cruise atau bot persiaran |
| 16 | 50112 | Operasi feri, teksi air |
| 17 | 50113 | Sewaan bot santai dengan krew bagi pengangkutan laut dan pesisir pantai |
| 18 | 79110 | Aktiviti agensi pengembalaan |
| 19 | 79120 | Aktiviti operator pelancongan |
| 20 | 79900 | Khidmat penempahan lain dan aktiviti berkaitan |

3.2.8 Syarikat / PLT / koperasi / badan amanah bermastautin tidak perlu menjelaskan penangguhan bayaran CP204 yang telah dibenarkan dan hanya perlu menjelaskan baki cukai (jika ada) setelah Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) dikemukakan atau taksiran dibangkitkan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) sekiranya BNCP tidak dikemukakan. Sila rujuk contoh senario seperti berikut:

Senario A:

Syarikat Berkaitan Industri Pelancongan (termasuk PKS) - (Penangguhan Untuk Tempoh Enam (6) bulan)

Contoh 1:

Tahun Taksiran 2020 (Tempoh Asas 01/05/2019 – 30/04/2020)

| | |
|---------------------------------|--|
| Tempoh perakaunan | 01/05/2019 – 30/04/2020 |
| Tempoh asas | 01/05/2019 – 30/04/2020 |
| CP 204 asal | RM120,000.00 |
| Cukai kena dibayar (BNCP) | RM150,000.00 |
| Bulan penangguhan bayaran CP204 | April 2020 – September 2020 (6 bulan) |

| Bilangan Ansuran | Tarikh Akhir Bayaran | Amaun Anggaran Cukai (RM) | Bayaran (RM) |
|-------------------------|-----------------------------|----------------------------------|---------------------|
| 1 | 15/06/2019 | 10,000 | 10,000 |
| 2 | 15/07/2019 | 10,000 | 10,000 |
| 3 | 15/08/2019 | 10,000 | 10,000 |
| 4 | 15/09/2019 | 10,000 | 10,000 |
| 5 | 15/10/2019 | 10,000 | 10,000 |
| 6 | 15/11/2019 | 10,000 | 10,000 |
| 7 | 15/12/2019 | 10,000 | 10,000 |
| 8 | 15/01/2020 | 10,000 | 10,000 |
| 9 | 15/02/2020 | 10,000 | 10,000 |
| 10 | 15/03/2020 | 10,000 | 10,000 |
| 11 | 15/04/2020 | 10,000 | - |
| 12 | 15/05/2020 | 10,000 | - |
| Amaun | | 120,000 | 100,000 |

1. Syarikat layak mendapat penangguhan bayaran CP204 secara automatik selama dua (2) bulan bermula April 2020 hingga Mei 2020.
2. Kenaikan cukai di bawah peruntukan seksyen 107C (9) ACP tidak akan dikenakan bagi setiap ansuran yang ditangguhkan.
3. Jumlah amaun CP204 adalah kekal seperti jadual asal iaitu RM120,000.00. Oleh itu, sebarang pindaan pada bulan ke-3

ansuran / ke-6 dan / atau ke-9 tempoh asas hendaklah berdasarkan amaun di jadual asal.

4. Pengiraan kenaikan cukai di bawah peruntukan seksyen 107C(10) ACP (jika ada) adalah berdasarkan kepada amaun jadual asal iaitu RM120,000.00 sekiranya tiada pindaan dibuat pada bulan ke-3 ansuran / ke-6 dan / atau ke-9 tempoh asas.

5. Baki cukai yang kena dibayar pada tarikh akhir pengemukaan BNCP ialah: RM150,000.00 – RM100,000.00 = RM50,000.00. Kenaikan cukai di bawah peruntukan seksyen 103 ACP tidak akan dikenakan sekiranya baki cukai dijelaskan sepenuhnya pada atau sebelum tarikh akhir pengemukaan BNCP tersebut.

Tahun Taksiran 2021 (Tempoh Asas 01/05/2020 – 30/04/2021)

| | |
|-------------------|-------------------------|
| Tempoh perakaunan | 01/05/2020 – 30/04/2021 |
| Tempoh asas | 01/05/2020 – 30/04/2021 |
| CP 204 asal | RM102,000.00 |

| Bilangan Ansuran | Tarikh Akhir Bayaran | Amaun Anggaran Cukai (RM) | Bayaran (RM) |
|------------------|----------------------|---------------------------|--------------|
| 1 | 15/06/2020 | 8,500 | - |
| 2 | 15/07/2020 | 8,500 | - |
| 3 | 15/08/2020 | 8,500 | - |
| 4 | 15/09/2020 | 8,500 | - |
| 5 | 15/10/2020 | 8,500 | 8,500 |
| 6 | 15/11/2020 | 8,500 | 8,500 |
| 7 | 15/12/2020 | 8,500 | 8,500 |
| 8 | 15/01/2021 | 8,500 | 8,500 |
| 9 | 15/02/2021 | 8,500 | 8,500 |
| 10 | 15/03/2021 | 8,500 | 8,500 |

| | | | |
|--------------|------------|----------------|---------------|
| 11 | 15/04/2021 | 8,500 | 8,500 |
| 12 | 15/05/2021 | 8,500 | 8,500 |
| Amaun | | 102,000 | 68,000 |

1. Syarikat juga layak mendapat penangguhan bayaran CP204 selama empat (4) bulan bermula Jun 2020 hingga September 2020. Syarikat hanya perlu meneruskan bayaran seperti biasa berdasarkan jadual asal mulai Oktober 2020.

2. Kenaikan cukai di bawah peruntukan seksyen 107C (9) ACP tidak akan dikenakan bagi setiap ansuran yang ditangguhkan.

Contoh 2:

Tahun Taksiran 2020 (Tempoh Asas 01/01/2020 – 31/12/2020)

| | |
|---------------------------------|---------------------------------------|
| Tempoh perakaunan | 01/01/2020 – 31/12/2020 |
| Tempoh asas | 01/01/2020 – 31/12/2020 |
| CP 204 asal | RM120,000.00 |
| Cukai kena dibayar (BNCP) | RM150,000.00 |
| Bulan penangguhan bayaran CP204 | April 2020 – September 2020 (6 bulan) |

| Bilangan Ansuran | Tarikh Akhir Bayaran | Amaun Anggaran Cukai (RM) | Bayaran (RM) |
|------------------|----------------------|---------------------------|--------------|
| 1 | 15/02/2020 | 10,000 | 10,000 |
| 2 | 15/03/2020 | 10,000 | 10,000 |
| 3 | 15/04/2020 | 10,000 | - |
| 4 | 15/05/2020 | 10,000 | - |
| 5 | 15/06/2020 | 10,000 | - |
| 6 | 15/07/2020 | 10,000 | - |
| 7 | 15/08/2020 | 10,000 | - |
| 8 | 15/09/2020 | 10,000 | - |

| | | | |
|--------------|------------|----------------|---------------|
| 9 | 15/10/2020 | 10,000 | 10,000 |
| 10 | 15/11/2020 | 10,000 | 10,000 |
| 11 | 15/12/2020 | 10,000 | 10,000 |
| 12 | 15/01/2021 | 10,000 | 10,000 |
| Amaun | | 120,000 | 60,000 |

1. Syarikat layak mendapat penangguhan bayaran CP204 secara automatik selama enam (6) bulan bermula April 2020 hingga September 2020. Syarikat hanya perlu meneruskan bayaran seperti biasa berdasarkan jadual asal mulai Oktober 2020.
2. Kenaikan cukai di bawah peruntukan seksyen 107C (9) ACP tidak akan dikenakan bagi setiap ansuran yang ditangguhkan.
3. Jumlah amaun CP204 adalah kekal seperti jadual asal iaitu RM120,000.00. Oleh itu, sebarang pindaan pada bulan ke-3 ansuran / ke-6 dan / atau ke-9 tempoh asas hendaklah berdasarkan amaun di jadual asal.
4. Pengiraan kenaikan cukai di bawah peruntukan seksyen 107C (10) ACP (jika ada) adalah berdasarkan kepada amaun jadual asal iaitu RM120,000.00 sekiranya tiada pindaan dibuat pada bulan ke-3 ansuran / ke-6 dan / atau ke-9 tempoh asas.
5. Baki cukai yang kena dibayar pada tarikh akhir pengemukaan BNCP ialah: RM150,000.00 – RM60,000.00 = RM90,000.00. Kenaikan cukai di bawah peruntukan seksyen 103 ACP tidak akan dikenakan sekiranya pembayar cukai membuat pembayaran penuh baki cukai ini pada atau sebelum tarikh akhir pengemukaan BNCP tersebut.

3.3 Penangguhan Bayaran Anggaran Cukai Bagi Tempoh Tiga (3) Bulan Bermula April 2020 Sehingga Jun 2020 Kepada:

3.3.1 Syarikat Bermastautin Yang Berstatus PKS (CP204)

- 3.3.1.1 Semua syarikat yang berstatus PKS layak untuk mendapat penangguhan bayaran CP204 selama tiga (3) bulan mulai April 2020 hingga Jun 2020.
- 3.3.1.2 Kriteria syarikat yang layak untuk mendapat status PKS adalah seperti berikut:
- i. Mempunyai modal berbayar kurang atau sama dengan RM2.5 juta bagi saham biasa pada permulaan tempoh asas bagi suatu tahun taksiran; dan
 - ii. Mempunyai pendapatan kasar perniagaan RM50 juta dan ke bawah.
- 3.3.1.3 Syarat di perenggan 2B dan 2C, Jadual 1, ACP tidak terpakai sebagai penentuan status PKS yang layak mendapat penangguhan bayaran CP204.
- 3.3.1.4 Penangguhan bayaran CP204 adalah layak untuk semua tempoh asas sekiranya pembayar cukai masih mempunyai bayaran ansuran dalam tempoh penangguhan yang dibenarkan.
- 3.3.1.5 Syarikat PKS yang layak seperti yang terdapat dalam rekod LHDNM akan mendapat penangguhan bayaran CP204 secara automatik tanpa perlu membuat mengemukakan permohonan.

- 3.3.1.6 Penangguhan bayaran CP204 kepada syarikat PKS yang layak tidak akan dikenakan kenaikan cukai di bawah Seksyen 107C(9) ACP.
- 3.3.1.7 Penentuan kelayakan penangguhan bayaran CP204 bagi PKS adalah berdasarkan BNCP Tahun Taksiran 2018 yang diterima oleh LHDNM.
- 3.3.1.8 Syarikat yang layak untuk penangguhan bayaran CP204 akan dimaklumkan oleh LHDNM melalui emel yang berdaftar dengan LHDNM.
- 3.3.1.9 Syarikat yang telah dimaklumkan boleh memilih untuk tidak menerima penangguhan dan meneruskan bayaran CP204 seperti jadual asal tanpa perlu memaklumkan pihak LHDNM sekiranya pada pendapatnya tidak lagi memenuhi kriteria PKS berdasarkan status terkini syarikat.
- 3.3.1.10 Syarikat yang tidak menerima emel pemakluman dari LHDNM boleh membuat rayuan melalui surat / emel ke Bahagian Pengurusan Rekod dan Maklumat Percukaian sekiranya pada pendapatnya memenuhi kriteria untuk mendapat penangguhan bayaran CP204.
- 3.3.1.11 Syarikat tidak perlu menjelaskan penangguhan bayaran CP204 yang telah dibenarkan dan hanya perlu menjelaskan baki cukai (jika ada) setelah BNCP dikemukakan atau taksiran dibangkitkan oleh KPHDN sekiranya BNCP tidak dikemukakan. Sila rujuk contoh senario seperti berikut:

Scenario B:**Syarikat Berstatus PKS –****(Penangguhan Untuk Tempoh Tiga (3) Bulan)****Contoh 1:**

Tahun Taksiran 2020 (Tempoh Asas 01/05/2019 – 30/04/2020)

| | |
|---------------------------------|------------------------------------|
| Tempoh perakaunan | 01/05/2019 – 30/04/2020 |
| Tempoh asas | 01/05/2019 – 30/04/2020 |
| CP 204 asal | RM120,000.00 |
| Cukai kena dibayar (BNCP) | RM150,000.00 |
| Bulan penangguhan bayaran CP204 | April 2020 – Jun 2020 (3 bulan) |

| Bilangan Ansuran | Tarikh Akhir Bayaran | Amaun Anggaran Cukai (RM) | Bayaran (RM) |
|------------------|----------------------|---------------------------|----------------|
| 1 | 15/06/2019 | 10,000 | 10,000 |
| 2 | 15/07/2019 | 10,000 | 10,000 |
| 3 | 15/08/2019 | 10,000 | 10,000 |
| 4 | 15/09/2019 | 10,000 | 10,000 |
| 5 | 15/10/2019 | 10,000 | 10,000 |
| 6 | 15/11/2019 | 10,000 | 10,000 |
| 7 | 15/12/2019 | 10,000 | 10,000 |
| 8 | 15/01/2020 | 10,000 | 10,000 |
| 9 | 15/02/2020 | 10,000 | 10,000 |
| 10 | 15/03/2020 | 10,000 | 10,000 |
| 11 | 15/04/2020 | 10,000 | - |
| 12 | 15/05/2020 | 10,000 | - |
| Amaun | | 120,000 | 100,000 |

1. Syarikat layak mendapat penangguhan bayaran CP204 secara automatik selama dua (2) bulan bermula April 2020 hingga Mei 2020.
2. Kenaikan cukai di bawah peruntukan seksyen 107C (9) ACP tidak akan dikenakan bagi setiap ansuran yang ditangguhkan.
3. Jumlah amaun CP204 adalah kekal seperti jadual asal iaitu RM120,000.00. Oleh itu, sebarang pindaan pada bulan ke-3 ansuran / ke-6 dan / atau ke-9 tempoh asas hendaklah berdasarkan amaun di jadual asal.
4. Pengiraan kenaikan cukai di bawah peruntukan seksyen 107C(10) ACP (jika ada) adalah berdasarkan kepada amaun jadual asal iaitu RM120,000.00 sekiranya tiada pindaan dibuat pada bulan ke-3 ansuran / ke-6 dan / atau ke-9 tempoh asas.
5. Baki cukai yang kena dibayar pada tarikh akhir pengemukaan BNCP ialah: RM150,000.00 – RM100,000.00 = RM50,000.00. Kenaikan cukai di bawah peruntukan seksyen 103 ACP tidak akan dikenakan sekiranya baki cukai dijelaskan sepenuhnya pada atau sebelum tarikh akhir pengemukaan BNCP tersebut.

Tahun Taksiran 2021 (Tempoh Asas 01/05/2020 – 30/04/2021)

| | |
|-------------------|-------------------------|
| Tempoh perakaunan | 01/05/2020 – 30/04/2021 |
| Tempoh asas | 01/05/2020 – 30/04/2021 |
| CP 204 asal | RM102,000.00 |

| Bilangan Ansuran | Tarikh Akhir Bayaran | Amaun Anggaran Cukai (RM) | Bayaran (RM) |
|------------------|----------------------|---------------------------|---------------|
| 1 | 15/06/2020 | 8,500 | - |
| 2 | 15/07/2020 | 8,500 | 8,500 |
| 3 | 15/08/2020 | 8,500 | 8,500 |
| 4 | 15/09/2020 | 8,500 | 8,500 |
| 5 | 15/10/2020 | 8,500 | 8,500 |
| 6 | 15/11/2020 | 8,500 | 8,500 |
| 7 | 15/12/2020 | 8,500 | 8,500 |
| 8 | 15/01/2021 | 8,500 | 8,500 |
| 9 | 15/02/2021 | 8,500 | 8,500 |
| 10 | 15/03/2021 | 8,500 | 8,500 |
| 11 | 15/04/2021 | 8,500 | 8,500 |
| 12 | 15/05/2021 | 8,500 | 8,500 |
| Amaun | | 102,000 | 93,500 |

1. Syarikat juga layak mendapat penangguhan bayaran CP204 secara automatik selama satu (1) bulan pada Jun 2020. Syarikat hanya perlu meneruskan bayaran seperti biasa berdasarkan jadual asal mulai Julai 2020.

2. Kenaikan cukai di bawah peruntukan seksyen 107C (9) ACP tidak akan dikenakan bagi ansuran yang ditangguhkan.

Contoh 2:

Tahun Taksiran 2020 (Tempoh Asas 01/01/2020 – 31/12/2020)

| | |
|-------------------|-----------------------|
| Tempoh perakaunan | 1/1/2020 – 31/12/2020 |
| Tempoh asas | 1/1/2020 – 31/12/2020 |

| | |
|---------------------------------|------------------------------------|
| CP 204 asal | RM120,000.00 |
| Cukai kena dibayar (BNCP) | RM150,000.00 |
| Bulan penangguhan bayaran CP204 | April 2020 – Jun 2020 (3 bulan) |

| Bilangan Ansuran | Tarikh Akhir Bayaran | Amaun Anggaran Cukai (RM) | Bayaran (RM) |
|------------------|----------------------|---------------------------|---------------|
| 1 | 15/02/2020 | 10,000 | 10,000 |
| 2 | 15/03/2020 | 10,000 | 10,000 |
| 3 | 15/04/2020 | 10,000 | - |
| 4 | 15/05/2020 | 10,000 | - |
| 5 | 15/06/2020 | 10,000 | - |
| 6 | 15/07/2020 | 10,000 | 10,000 |
| 7 | 15/08/2020 | 10,000 | 10,000 |
| 8 | 15/09/2020 | 10,000 | 10,000 |
| 9 | 15/10/2020 | 10,000 | 10,000 |
| 10 | 15/11/2020 | 10,000 | 10,000 |
| 11 | 15/12/2020 | 10,000 | 10,000 |
| 12 | 15/01/2021 | 10,000 | 10,000 |
| Amaun | | 120,000 | 90,000 |

1. Syarikat layak mendapat penangguhan bayaran CP204 secara automatik selama tiga (3) bulan bermula April 2020 hingga Jun 2020. Syarikat hanya perlu meneruskan bayaran seperti biasa berdasarkan jadual asal mulai 15 Julai 2020.
2. Kenaikan cukai di bawah peruntukan seksyen 107C (9) ACP tidak akan dikenakan bagi ansuran yang ditangguhkan.

3. Jumlah amaun CP204 adalah kekal seperti jadual asal iaitu RM120,000.00. Oleh itu, sebarang pindaan pada bulan ke-3 ansuran / ke-6 dan / atau ke-9 tempoh asas hendaklah berdasarkan amaun di jadual asal.

4. Pengiraan kenaikan cukai di bawah peruntukan seksyen 107C(10) ACP (jika ada) adalah berdasarkan kepada amaun jadual asal iaitu RM120,000.00 sekiranya tiada pindaan dibuat pada bulan ke-3 ansuran / ke-6 dan / atau ke-9 tempoh asas.

5. Baki cukai yang kena dibayar pada tarikh akhir pengemukaan BNCP ialah: RM150,000.00 – RM90,000.00 = RM60,000.00. Kenaikan cukai di bawah peruntukan seksyen 103 ACP tidak akan dikenakan sekiranya baki cukai dijelaskan sepenuhnya pada atau sebelum tarikh akhir pengemukaan BNCP tersebut.

3.3.2 Pembayar Cukai Selain Syarikat Yang Bermastautin Berstatus PKS (CP500) Bagi TT2020

- 3.3.2.1 Semua pembayar cukai selain syarikat yang bermastautin dan tertakluk kepada CP500 adalah layak mendapat penangguhan bayaran CP500 selama tiga (3) bulan mulai 1 April 2020 hingga 30 Jun 2020.

- 3.3.2.2 Bulan ansuran yang layak mendapat penangguhan ialah bulan Mac 2020 (konsesi lanjutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)) dan Mei 2020.

- 3.3.2.3 Penangguhan bayaran CP500 tidak tertakluk kepada syarat / kriteria yang perlu dipenuhi oleh syarikat berstatus PKS.
- 3.3.2.4 Penangguhan bayaran CP500 akan diberi secara automatik kepada semua pembayar cukai selain syarikat yang bermastautin seperti yang terdapat dalam rekod LHDNM.
- 3.3.2.5 Kenaikan cukai di bawah peruntukan seksyen 107B(3) ACP tidak akan dikenakan bagi ansuran yang ditangguhkan.
- 3.3.2.6 Penentuan kelayakan penangguhan bayaran CP500 adalah berdasarkan Senarai Pengeluaran Am CP500 Tahun Taksiran 2020.
- 3.3.2.7 Pembayar cukai yang layak untuk penangguhan bayaran CP500 akan dimaklumkan melalui emel yang berdaftar dengan LHDNM.
- 3.3.2.8 Pembayar cukai tidak perlu menjelaskan penangguhan bayaran CP500 yang telah dibenarkan dan hanya perlu menjelaskan baki cukai BNCP dikemukakan atau taksiran dibangkitkan oleh KPHDN sekiranya BNCP tidak dikemukakan. Sila rujuk contoh senario seperti berikut:

Senario C:

Pembayar Cukai Tertakluk Kepada CP500 –

(Penangguhan Untuk Tempoh Tiga (3) Bulan)

Contoh 1:Tahun Taksiran 2020

| | |
|---------------------------------|--|
| CP500 asal | RM60,000 |
| Cukai kena dibayar (BNCP) | RM90,000 |
| Bulan penangguhan bayaran CP500 | April 2020 - Jun 2020 (Ansuran Mac dan Mei) |

| Bilangan Ansuran | Tarikh Akhir Bayaran | Amaun Anggaran Cukai (RM) | Bayaran (RM) |
|------------------|----------------------|---------------------------|--------------|
| 1 | 30/03/2020 | 10,000 | - |
| 2 | 30/05/2020 | 10,000 | - |
| 3 | 30/07/2020 | 10,000 | 10,000 |
| 4 | 30/09/2020 | 10,000 | 10,000 |
| 5 | 30/11/2020 | 10,000 | 10,000 |
| 6 | 30/01/2021 | 10,000 | 10,000 |
| Amaun | | 60,000 | 40,000 |

1. Pembayar cukai tidak perlu menjelaskan amaun ansuran CP500 dalam tempoh penangguhan cukai iaitu bulan Mac 2020 (konsesi lanjutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)) dan Mei 2020. Pembayar cukai hanya perlu menjelaskan bayaran ansuran seperti dalam jadual asal mulai Julai 2020.
2. Kenaikan cukai di bawah peruntukan seksyen 107B(3) ACP tidak akan dikenakan bagi ansuran yang ditangguhkan.

3. Jumlah amaun ansuran CP500 adalah kekal seperti jadual asal iaitu RM60,000.00. Oleh itu, pindaan sebelum 30 Jun 2020 (sekiranya ada) hendaklah berdasarkan amaun pada jadual asal.
4. Pengiraan kenaikan cukai di bawah peruntukan seksyen 107B (4) ACP (jika ada) adalah berdasarkan amaun pindaan yang dibuat sebelum 30 Jun 2020 (sekiranya ada). Sekiranya tiada pindaan dibuat, kenaikan cukai di bawah peruntukan seksyen 107B (4) ACP tidak akan dikenakan.
5. Baki cukai yang kena dibayar pada 30 Jun 2021 ialah:
$$\text{RM90,000.00} - \text{RM40,000.00} = \text{RM50,000.00}$$
Kenaikan cukai di bawah peruntukan seksyen 103 ACP tidak akan dikenakan sekiranya baki cukai dijelaskan sepenuhnya pada atau sebelum tarikh akhir pengemukaan BNCP tersebut.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

12 Mei 2020